



Prasarana Malaysia Berhad 199801011092(467220-U)
Ibu Pejabat, Menara Prasarana, Jalan PJU1A/46, Ara Damansara, PJU 1A, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7614 3333 Website : www.prasarana.com.my

KENYATAAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

MERDEKA BERSAMA RAPID KL: PERKHIDMATAN 24 JAM REL DAN LALUAN BAS TERPILIH PADA 30 & 31 OGOS

PETALING JAYA, 15 OGOS 2024 – Rapid KL, selaku jenama kepada pengendali perkhidmatan rel dan bas di Lembah Klang, pada hari ini mengumumkan semua perkhidmatan rel merangkumi LRT, MRT dan Monorel, serta BRT Laluan Sunway dan laluan bas terpilih akan beroperasi selama 24 jam pada malam 30 Ogos 2024, bersempena dengan sambutan Hari Kebangsaan ke-67.

Perkhidmatan yang dipertingkatkan ini dijalankan buat pertama kalinya sebagai inisiatif Prasarana dalam menyokong usaha kerajaan untuk menyemarakkan sambutan Hari Kebangsaan.

Sehubungan itu, semua servis rel akan beroperasi bermula dari jam 6.00 pagi pada 30 Ogos sehingga 11.30 malam pada 31 Ogos 2024.

Rapid KL akan turut menyediakan sehingga 60 bas perantara percuma dari Stesen MRT Putrajaya Sentral ke Dataran Putrajaya bermula jam 6.00 petang, 30 Ogos hingga jam 3.00 petang, 31 Ogos bagi memudahkan warga kota yang ingin meraikan Sambutan Hari Kebangsaan 2024 yang bakal berlangsung di Putrajaya.

Selain itu, sebanyak sembilan (9) buah bas akan disediakan dari MRT Putrajaya Sentral ke lokasi-lokasi menarik di sekitar Putrajaya seperti Taman Botani, Marina Putrajaya, Alamanda dan Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada 31 Ogos 2024.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana, Encik Mohd Azharuddin Mat Sah berkata, “Pihak Prasarana amat berbangga kerana dapat menyediakan perkhidmatan ini buat rakyat Malaysia dan kami berusaha untuk memberikan

perkhidmatan yang terbaik. Lebih 4,000 kakitangan barisan hadapan Rapid KL akan bertugas secara syif bagi memastikan kelancaran operasi 24 jam dan memberikan pengalaman perjalanan yang baik sempena Merdeka 2024. Kami berharap semua rakyat Malaysia dapat hadir bersama-sama memeriahkan Sambutan Hari Kebangsaan yang ke-67 sebagai tanda cinta kepada negara.”

Perkhidmatan 24 jam ini juga dapat memberi peluang kepada warga kota yang ingin hadir menyaksikan sambutan ambang Merdeka yang bakal diadakan di beberapa lokasi di sekitar Kuala Lumpur dan Sambutan Hari Kebangsaan di Dataran Putrajaya.

Pihak Prasarana menjemput warga kota untuk menggunakan perkhidmatan rel dan bas Rapid KL bagi mengelakkan kesesakan. Lebih 10,000 petak parkir tersedia di beberapa stesen rel terpilih.

Prasarana dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya dan Polis Diraja Malaysia akan memastikan kelancaran laluan bas khas ini tidak terganggu dan anggota Polis Bantuan Prasarana akan ditugaskan untuk membantu penganjur bagi kelancaran lalulintas.

Pengguna jalan raya sekitar Putrajaya juga dinasihati agar mematuhi arahan pihak berkuasa dengan tidak menghalang laluan bas sepanjang sambutan berlangsung.

Pengguna juga disarankan untuk menggunakan kad Touch 'n Go dan memastikan baki kad Touch 'n Go anda mencukupi.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web www.myrapid.com.my atau laman sosial Rapid KL.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh Prasarana Malaysia Berhad.